



MODUL PINTAS SPM 2022
PERNIAGAAN
TINGKATAN 5
Kertas 2

3766 / 2

2 Jam 15 Minit

PERNIAGAAN
KERTAS 2

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 3 bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.**
2. Jawab **lima** soalan daripada **Bahagian A** , **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib di **Bahagian C.**
3. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas yang disediakan.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Penggunaan kalkulator yang tidak boleh diprogramkan dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

BAHAGIAN A
 | 50 markah |
 Jawab lima soalan sahaja.

- [3 markah]
- 1 (a) Jelaskan ciri utama perkongsian liabiliti terhadap
 (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.

Syarikat Kejora Berhad	
Produk	Pengeluar bekas tin untuk makanan, cat dan bahan kimia
Jumlah pekerja	250 orang pekerja tetap
Jumlah jualan tahunan	RM 51 juta
Pasaran	Seluruh Malaysia, Brunei dan Singapura

- (i) Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan tersebut? [3 markah]
 (ii) Terangkan klasifikasi perniagaan 1(b) (i)? [4 markah]
- 2 (a) Situasi berikut berkaitan dengan jenis gaya pengurusan.

Situasi I	Encik Hadi membenarkan pekerjaanya keluar masuk premis mengikut sesuka hati mereka tanpa dikenakan apa-apa tindakan.
Situasi II	Puan Jeslina menegaskan semua pekerja tidak dibenarkan mengambil cuti sepanjang bulan Mei ini kerana belum mencapai sasaran yang ditetapkan.

Jelaskan gaya pengurusan berikut :

- (i) Situasi I [2 markah]
 (ii) Situasi II [2 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan FD Gemilang.

Perniagaan FD Gemilang mengeluarkan jus minuman jenama Power. Perniagaan ini mempunyai kos tetap sebanyak RM100 000. Harga jualan seunit jus minuman yang dikenakan adalah sebanyak RM10 dan kos berubah seunit yang ditanggung sebanyak RM6.

- (i) Hitungkan titik pulang modal (TPM). [3 markah]
 (ii) Bagaimana cara yang boleh diambil oleh Perniagaan FD Gemilang bagi meningkatkan hasil jualan. [3 markah]

- 3 (a) Jelaskan kawalan semasa yang terdapat dalam proses pengeluaran. [5 markah]
(b) Gambar 1 berkaitan dengan aktiviti perniagaan Encik Amir.



Gambar 1

Apakah saluran agihan bagi perniagaan Encik Amir? Kemukakan alasan. [5 markah]

4. (a) (i) Mengapakah penghargaan menjadi salah satu aspek penting dalam pengelolaan sumber manusia bagi sesebuah perniagaan? [3 markah]
(ii) Gambar 2 berkaitan dengan situasi memadamkan kebakaran.



Gambar 2

Jelaskan aspek pengelolaan sumber manusia tersebut. [3 markah]

- (b) Terangkan faktor penentu sistem penggajian? [4 markah]

5. (a) Gambar 3 menunjukkan salah satu jenis sumber teknologi.




Gambar 3

- Huraikan jenis sumber tersebut. [3 markah]
- (b) Mengapakah peniaga memilih sumber pembiayaan Ar-Rahnu. [4 markah]
- (c) Maklumat menunjukkan jenis penyata kewangan.

- Penyata kewangan
 - Penyata Pendapatan
 - X
 - Kunci Kira-kira

Jelaskan X [3 markah]

6. (a) Terangkan perbezaan stok bergerak pantas dan stok bergerak perlahan. [4 markah]
- (b) Gambar 4 menunjukkan sejenis produk yang dijual di Kedai Foto Ehsan.



Gambar 4

Jelaskan ciri fizikal produk tersebut. [3 markah]

- (c) Jelaskan elemen rancangan pentadbiran yang terdapat dalam rancangan perniagaan. [3 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang usahawan.

Encik Chong ialah seorang pengusaha kilang minyak pelincir kenderaan di Kuantan, Pahang. Beliau telah mengedarkan minyak pelincirnya ke seluruh Malaysia. Beliau mempunyai pekerja tetap seramai 100 orang. Hasil jualan tahunannya adalah sebanyak RM 20 juta. Kebelakangan ini, Encik Chong menghadapi masalah untuk memenuhi permintaan pasaran kerana mesin tidak dapat berfungsi dengan baik.

- (a) Tentukan saiz dan sektor perniagaan Encik Chong. Berikan komen. [4 markah]
- (b) Berdasarkan jawapan di 7(a), terangkan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan Encik Chong. [6 markah]
- (c) Jelaskan prosedur yang perlu di ambil oleh Encik Chong untuk mengatasi masalah tersebut. [5 markah]

- 8 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Cik Janny.

Cik Janny memulakan perniagaan roti dan kek dengan menggunakan wang simpanan peribadi RM10 000. Modal simpanan masih belum mencukupi untuk membeli pelbagai jenis mesin dan peralatan bernilai RM20 000. Beliau membuat keputusan untuk mendapatkan mesin tersebut secara bayaran ansuran. Ekoran kenaikan kos bahan mentah Cik Janny juga perlu bijak dalam memilih pembekal yang dapat menawarkan pada harga rendah bagi meminimumkan kos pengeluaran dan meningkatkan hasil jualan.

- (i) Apakah sumber pembiayaan luaran yang sesuai dipilih oleh Cik Janny? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan sumber pembiayaan yang dipilih. [4 markah]
- (b) Galurkan tatacara pembelian bahan mentah yang harus diikuti oleh Cik Janny. [5 markah]
- (c) Jelaskan kepentingan interaksi organisasi luar dengan Cik Janny? [5 markah]

9. (a) Jelaskan konsep nisbah kecekapan. [3 markah]
- (b) Jadual 1 menunjukkan maklumat yang dipetik dari penyata kedudukan kewangan perniagaan pakaian.

Butiran	Perniagaan Hamidah Textile	Perniagaan Hana Boutique & Fashion
Aset Semasa	100 000	85 000
Ekuiti Pemilik	120 000	108 000
Liabiliti Semasa	25 000	17 000

Jadual 1

- (i) Hitungkan nisbah semasa perniagaan Hamidah Textile dan Hana Boutique & Fashion. [5 markah]
- (ii) Tentukan prestasi perniagaan manakah lebih baik. [1 markah]
- (c) Cadangkan cara yang bolch di ambil oleh perniagaan berprestasi rendah untuk meningkatkan operasi perniagaan. [6 markah]


Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini **wajib** dijawab

- 10 Idris merupakan seorang Chef dalam bidang *pastry dan bakery* yang telah diberhentikan kerja dengan pampasan berjumlah RM200 000 kerana kemelesetan ekonomi. Beliau telah berjumpa dengan sahabat lamanya, Farid merupakan seorang pembantu akauntan yang telah berhenti kerja untuk menceburi bidang perniagaan. Mereka bersetuju untuk menyumbangkan modal sebanyak RM50 000 seorang untuk membuka perniagaan pizza sejuk beku dengan menggunakan nama Farich Frozen Pizza. Visi perniagaan Farich Frozen Pizza ialah 'Menjadi sebuah perniagaan sejuk beku tersohor di Malaysia'. Mereka mengambil pekerja dari kalangan lepasan SPM yang menunggu tawaran untuk menyambung pengajian.

Berikut adalah carta jualan Perniagaan Farich Frozen Pizza:



Kebelakangan ini Farich Frozen Pizza kerap mendapat rungutan daripada pembeli berkenaan dengan layanan pekerja dan kualiti pizza yang kurang memuaskan. Setelah menyiasat, mereka mendapati beberapa masalah berpunca dari sikap pekerja.

Beberapa pekerja telah menunjukkan risalah kerja kosong daripada kedai pizza berhampiran dan mereka tertarik kepada tawaran tersebut.

 <p>Anna's Pizza Jawatan kosong : Pembantu Kedai</p> <p>Syarat kelayakan :</p> <ul style="list-style-type: none">• Warganegara Malaysia• Berumur antara 20 hingga 30 tahun• Gaji bermula RM1600.00 sebulan<ul style="list-style-type: none">• Penginapan / Uniform / Pengangkutan disediakan• Suntikan thypoid ditanggung oleh majikan  <p>Berminat!! Hubungi kami : Puan Ana - 017 7654321</p>	<p>Farich Frozen Pizza Jawatan kosong : Penghantar Pizza</p>  <p>Syarat kelayakan :</p> <ul style="list-style-type: none">• Warganegara Malaysia• Insurans kelompok• Mempunyai lesen memandu• Sekurang-kurangnya mempunyai SPM• Gaji bermula RM1500.00 <p>Hubungi : En Idris - 011 8765432 En Farid - 012 3434954</p> 
--	---

Hal ini telah menyebabkan visi perniagaan Farich Frozen Pizza sukar untuk dicapai. Idris dan Farid berbincang untuk mencari penyelesaian masalah ini.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut.

- Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan Farich Frozen Pizza? [4 markah]
- Apakah trend perniagaan Farich Frozen Pizza? Beri alasan anda. [3 markah]
- Jelaskan tindakan yang boleh dikenakan kepada pekerja Farich Frozen Pizza? [5 markah]
- Wajarkah pekerja memilih tawaran yang diiklankan tersebut? [5 markah]
- Jelaskan kesan kegagalan mencapai visi perniagaan kepada Farich Frozen Pizza. [3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT